




www.saujana.sg

PENGAJARAN PERIBAHASA

MOHAMED NAIM DA'IPI



Aspek peribahasa semakin kurang dititikberatkan walaupun peribahasa merupakan elemen penting dalam kemahiran berbahasa



Antara sebabnya ialah:



Anggapan bahawa peribahasa merupakan bahasa klise / milik sastera lama



Tidak memahami peribahasa dengan baik



Peribahasa sukar diingat / dihafaz



Pengajaran peribahasa membosankan



MASALAH MEMPELAJARI PERIBAHASA



Mempunyai banyak makna yang tersirat



Terlalu banyak yang perlu dihafal



Peribahasa terlalu panjang & pelbagai makna



Ada peribahasa yang mengelirukan




TAKRIF PERIBAHASA

ZAINAL ABIDIN AHMAD

Segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakainya sebutan-sebutan orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran.


Ilmu Mengarang Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (1965)



TAKRIF PERIBAHASA

ISHAK RAMLY

Peribahasa adalah cabang dalam sastera Melayu dan merupakan ikatan bahasa atau puisi Melayu kuno yang bernilai sastera.



TAKRIF PERIBAHASA

KERIS MAS

Peribahasa adalah percakapan atau ujaran yang mengandung kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian, yang tersusun dalam bentuk yang ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran.



TAKRIF PERIBAHASA

ABDULLAH HUSSAIN

Peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa dan peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa manusia mulai mengenal peradaban, ketika organisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadi pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia.

Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (1989)



TAKRIF PERIBAHASA

MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Peribahasa (termasuk kiasan, simpulan bahasa, petatah-petitih, bidalan, perbilangan dan perumpamaan) ialah rangkaian kekata yang lahir daripada amatan para bijaksana (intelektual) terhadap perhidup manusia, yang tetap dan tidak berubah susunannya, yang lekat di mulut (dapat disebut bila-bila masa sahaja), dan yang luas maknanya lagi benar tujuannya.

Perlunya Pembakuan Peribahasa, Bahasa Jiwa Bangsa 1990




TAKRIF PERIBAHASA

AWANG SARIYAN

Peribahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai peranannya yang istimewa, bukan sahaja memperkaya khazanah bahasa, bahkan lebih penting daripada itu memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir, dan kepekaan akal budi masyarakat pengguna bahasa itu.

Tikaman Bahasa, Mohd Adnan Mohd Ariffin, Dewan Bahasa dan Pustaka (1992)



TAKRIF PERIBAHASA

SARWONO PUSPOSAPUTRA

Peribahasa merupakan kalimat singkat yang menkristalisasikan pengalaman mendalam dan panjang. Atau secara bernas dapat disebut: filsafat mini

Kamus Peribahasa, PT Gramedia (1987)



TAKRIF PERIBAHASA

S. NATHESAN

Pada umumnya, peribahasa mencerminkan pemikiran kognitif masyarakat Melayu tradisional. Makna Simpulan Bahasa bersifat kolokasi, yaitu menunjukkan hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan yang lain dalam satu susunan

**SIMPULAN BAHASA: SATU TINJAUAN DARI SUDUT MAKNA,
JURNAL DEWAN BAHASA, NOV 1998**

BENTUK DAN SUMBER

Peribahasa itu ialah rangkaian-rangkaian perkataan yang tetap; tersimpul dan terbeku dengan susunan-susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya.

Zainal Abidin b Ahmad (Za'ba),
Ilmu Mengarang Melayu
Dewan Bahasa dan Pustaka (1965)

BENTUK DAN SUMBER

Oleh kerana cakap-cakap itu dibentuk dengan satu ikatan bahasa yang indah, maka melekatlah di mulut orang ramai, lalu dipakai untuk menjadi sebagai bandingan, teladan dan pengajaran

**Mohd Yusof Mustafa
Mestika Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka (1965)**

BENTUK DAN SUMBER

Peribahasa mengandungi ciri-ciri komunikasi moden iaitu; keringkasan, ketepatan dan kepadatan.

Awang Sariyan (kata pengantar)
Tikaman Bahasa, Mohd Adnan Mohd Ariffin
Dewan Bahasa dan Pustaka (1992)

BENTUK DAN SUMBER

Terdapat tiga sumber asal-usul peribahasa Melayu:

1

Pengalaman hidup rakyat jelata

Contoh : Keli dua selubang

2

Pengamatan orang arif bijaksana

Tak lari gunung dikejar

3

Kandungan kitab suci

Abdullah Hussain,
Kamus Istimewa Peribahasa Melayu
Dewan Bahasa dan Pustaka (1989)

BENTUK DAN SUMBER

Faktor-faktor Perkembangan Peribahasa

1

Pengalaman dan pengamatan alam sekeliling

Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit
Seperti embun di hujung rumput

2

Lambang drpd keadaan dalam masyarakat

Bagai menatang minyak yang penuh
Menantikan kucing bertanduk

3

Menyembunyikan kata-kata yang kasar

Lembu punya susu, sapi dapat nama
Siapa makan lada dialah terasa pedas

BENTUK DAN SUMBER

4

Menguraikan adat

Hukum berdiri dengan adat, adat berdiri dengan bukti
Siapa menjala siapa terjun, siapa hutang siapa membayar

5

Kata-kata orang arif dan bijaksana

Berjagung-jagung dahulu sementara padi masak
Bawalah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk

6

Kitab Suci

Tuntutlah ilmu, biar sampai ke liang kubur sekalipun
Ilmu yang tiada diamankan, seperti pohon tiada berbuah

BENTUK DAN SUMBER

7

Unsur-unsur asonansi dan aliterasi

Ikut hati mati, ikut suka duka, ikut rasa binasa
Lain padang, lain belalang, lain lubuk lain ikannya

8

Cerita dongeng

Seperti Mat Jenin
Katak hendak jadi lembu

9


Pengaruh budaya lain

Dalam laut boleh diduga, dalam hati siapa tahu (Siam)
Ekor anjing berapa pun diurut akan dia, tiada juga betul (India)
Ada gula adalah semut (Parsi)
Pukul anak sindir menantu (Hindustan)




PENJENISAN PERIBAHASA

MAKNA SELAPIS



**Peribahasa yang
mengandung
makna yang tersurat
(maksud literal)**

MAKNA BERLAPIS



**Peribahasa yang
mengandung
makna yang tersirat
(maksud figuratif)**

PENJENISAN PERIBAHASA

MAKNA SELAPIS

BIDALAN

PEPATAH

PERUMPAMAAN

KIASAN

PERBILANGAN

LIDAH PENDETA

SIMPULAN BAHASA

TAMSIL & IBARAT

MAKNA BERLAPIS

SIMPULAN BAHASA

TAMSIL & IBARAT



BIDALAN

Ungkapan yang menjadi panduan nilai sosial, mengandung teladan dan nasihat.

Contoh:

Jika pandai menggunting hendaklah pandai menjahit.
Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan,
Belakang parang diasah lagiakan tajam.



PEPATAH

Berasal daripada adat resam. Berfungsi sebagai pedoman dalam kehidupan bermasyarakat dan bentuknya berkerat-kerat atau berpatah-patah:

Contoh:

Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian,
bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian.

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja
deras.



PERBILANGAN

Perbilangan merupakan susunan kalimat yang bertujuan menjadi pegangan kepada anggota masyarakat sehingga menjadi adat atau peraturan.

Contoh: Mentua

Pertama mentua-taya

Yang tak memilih-milih kasih

Yang tahu batas lidahnya

Yang tak tahu had langkahnya

Yang menunjuk mengajari

Yang tahan asak tahan banding

Tahan berhutang dengan bergadai

Tahan ke tengah tahan ke tepi

Tahan luak tahan sumbing

Kedua mentua sesau

Yang menghasut-hasut anak

Yang membuka aib menantu

Yang menengking pagi petang

Yang menceraikan kasih orang

Yang mengungkit-ungkit budi

Yang memandang ke atas saja

Disebut mentua gila sesau

Gila harta gila pangkat

Gila puji gila sanjungan



LIDAH PENDETA

Kata-kata hikmat atau kata-kata pujangga yang mengandung pengajaran atau falsafah hidup.

Contoh:

Bertanggung itu pencuri masa.

Bersatu teguh, bercerai runtuh.

Hilang bahasa lenyaplah bangsa.



SIMPULAN BAHASA

Kata-kata yang dikiaskan atau dibandingkan dengan benda lain dan bentuknya terdiri daripada dua tiga patah perkataan:

Contoh:

Abu Nawas.

Kaki bangku.

Kaki ayam.



KIASAN

Membuat perbandingan perilaku manusia dengan alam sekitaran dengan cara yang lembut dan tidak tepat pukulannya.

Contoh:

Tangkai jering.

Panjang tangan.

Mulut tempayan.



PERUMPAMAAN

Hasil daripada analogi dua perkara dan biasanya menggunakan kata perbandingan seperti, bagai, bak, umpama, laksana dan sebagainya.

Contoh:

Seperti kaca terhempas ke batu.

Bagai tikus jatuh ke beras.

Seperti bumi dengan langit.



TAMSIL & IBARAT

Memberikan penjelasan tentang perkara yang hendak dibandingkan. Tamsil biasanya bersajak sedangkan ibarat tidak.

Contoh:

Keras-keras kerak nasi, kena air lembut juga.

Tua-tua keladi, semakin tua semakin menjadi.

Ibarat bunga, segar dipakai, layu dibuang

Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semuanya.



PENGAJARAN PERIBAHASA

ABDULLAH HASSAN & AINON MOHD menyebut:

Para penutur Bahasa Melayu belajar bahasa kiasan secara alamiah, seperti mana mereka belajar perkataan-perkataan Melayu yang lain. Mereka belajar bentuk-bentuk kiasan dan menghafal makna-makna kiasan tersebut. Memang tidak ada jalan lain belajar kiasan selain daripada menghafalnya.

**KAMUS PEPATAH, BIDALAN & PERUMPAMAAN
PTS PUBLICATION & DISTRIBUTORS SDN BHD, 2003**



PENGAJARAN PERIBAHASA

ISHAK RAMLY menulis :

Pengajaran Bahasa bukan sahaja berguna untuk kemahiran bahasa tetapi mempertajam rasa bahasa sehingga karangan menjadi indah dan bermutu. Dahulu, menghafal peribahasa dan maknanya adalah perkara biasa. Mengikut taraf sekarang, peribahasa bukanlah untuk dihafalkan, tetapi untuk digunakan sekerap mungkin dan digabungjalinkan dalam pelbagai situasi.

**PERKEMBANGAN PERIBAHASA DALAM BAHASA MELAYU,
JURNAL DEWAN BAHASA, JANUARI 1990.**



PENGAJARAN PERIBAHASA

KOH BOH BOON pula menyatakan :

Sebagai satu aspek BM yang indah, peribahasa Melayu seharusnya diajarkan agar murid-murid dapat menikmati dan menghayati keindahannya, malah menggunakannya untuk melahirkan fikiran dan perasaan dengan tepat dan halus.

**PENGAJARAN PERIBAHASA MELAYU,
PERSPEKTIF-PERSPEKTIF DALAM PENGAJARAN BM, DBP 1989**



PENGAJARAN PERIBAHASA

KOH BOH BOON juga menulis :

Pengajaran peribahasa di sekolah cenderung berpusat kepada guru; iaitu guru memberikan penjelasan tentang maksud peribahasa yang hendak diajarkan dan pelajar-pelajar hanya terlibat secara pasif sebagai penerima maklumat.

**PENGAJARAN PERIBAHASA MELAYU,
PERSPEKTIF-PERSPEKTIF DALAM PENGAJARAN BM, DBP 1989**



PENGAJARAN PERIBAHASA

KOH BOH BOON seterusnya menyarankan agar pengajaran peribahasa melalui pendekatan kontekstual yang mengandungi tiga peringkat berikut:

1

Pengamatan tentang pertalian di antara benda-benda yang dibandingkan

2

Penyimpulan erti simbolik (tersembunyi), dan

3

Penilaian tentang ketepatan perumpamaan dalam konteks



PENGAJARAN PERIBAHASA

Cover, D.J menyarankan peribahasa diajar dengan empat teknik berikut:

4

Guru menggunakan buku nota tatabahasa sebagai alat mencatatkan peribahasa terpilih dan membina ayat berdasarkan peribahasa tersebut.

5

Pelajar membaca petikan yang mengandungi peribahasa dan guru menanya peribahasa & berbincang mengenainya.



PENGAJARAN PERIBAHASA

6

Berdasarkan “Blackboard Composition” guru mencatat / membimbing dan berbincang akan peribahasa sehingga menghasilkan karangan yang lengkap.

7

Berdasarkan petikan dialog yang mengandungi peribahasa, murid-murid diajak menghafaz dialog tersebut bagi mengikatkan konteks penggunaannya.



PENGAJARAN PERIBAHASA

OMAR MAMAT mencadangkan beberapa langkah mengajarkan peribahasa:

1

KAEDAH KONTEKS yakni berdasarkan konteks dalam ayat dan dilanjutkan penggunaannya dalam ayat yang bebas.

2

KAEDAH LATIH TUBI berdasarkan situasi, simulasi, main peranan, sumbang saran atau boneka, bukan teknik menghafal.



PENGAJARAN PERIBAHASA

1

KAEDAH LAKARAN yakni guru menggunakan lakaran tertentu di atas kad, papan tulis atau model



ANAK EMAS




BAGAI TIKUS MEMBAIKI LABU



PENGAJARAN PERIBAHASA

1

KAEDAH MERAMAL iaitu murid dilatih berfikir untuk mencari simpulan bahasa yang berdasarkan objek.





PENGAJARAN PERIBAHASA

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2002) terdapat bilangan peribahasa berdasarkan objek / perkataan berikut:





PERKATAAN	PERIBAHASA
ANGIN	TANGKAP ANGIN, AMBIL ANGIN, KEPALA ANGIN, KHABAR ANGIN
HATI	AMBIL HATI, ADA HATI, BAIK HATI, BESAR HATI, BUSUK HATI, BUTA HATI, HATI BATU, IRI HATI, KECIL HATI, KERAS HATI, TAWAR HATI
KAKI	ANGKAT KAKI, KAKI BORAK, KAKI BANGKU
MAKAN	MAKAN ANGKAT, MAKAN DARAH, MAKAN SUAP
TANGAN	CAMPUR TANGAN, DALAM TANGAN, LEPAS TANGAN, TANGAN TERBUKA
MULUT	MULUT TEMPAYAN, BERAT MULUT, BUAH MULUT




PENGAJARAN PERIBAHASA

3

KAEDAH MENGISI TEMPAT KOSONG iaitu melengkapkan petak dengan huruf yang sesuai bagi membentuk peribahasa. Murid digalakkan berbincang untuk tujuan tersebut.





PENGAJARAN PERIBAHASA

Guru bahasa wajar mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat pelajar agar pengajaran tidak begitu terikat dan membosankan.

PENGAJARAN PERIBAHASA

SUKATAN PELAJARAN (2002) mencatatakan:

1

Peribahasa tidak seharusnya diajar dengan menyuruh murid menghafaz maksud peribahasa yang disenaraikan.

2

Strategi-strategi pengajaran yang berkesan, lebih bermakna, menarik dan lebih mencabar perlu digunakan seperti pendekatan kontekstual iaitu menggunakan peribahasa dalam karangan naratif, deskriptif dan sebagainya.

PENGAJARAN PERIBAHASA

1

Murid dapat memahami maksud peribahasa dengan lebih jelas dan tahu menggunakannya dalam karangan.

2

Strategi kognitif juga sesuai digunakan untuk peribahasa yang maksudnya dapat difahami dengan menggunakan daya berfikir.

3

Murid patut digalakkan supaya menggunakan peribahasa dalam kegiatan lisan seperti main peranan, berlakon, bersyarah dan sebagainya.

PENGAJARAN PERIBAHASA

Selain daripada kegiatan yang dinyatakan, berikut ialah kegiatan-kegiatan lain yang boleh dijalankan semasa pengajaran peribahasa....

1

KEGIATAN 1

Menggunakan klip video (Barang yang lepas

2

KEGIATAN 2

Menggunakan dialog & lakonan (ajak-ajak ayam)

3

KEGIATAN 3

Berdasarkan lagu dan imej (lagu ayam)

PENGAJARAN PERIBAHASA

4

KEGIATAN 4

Menggunakan audio (bertajukkan peribahasa) –
Bagai aur dengan tebing, Di mana ada kemahuan

5

KEGIATAN 5

Bersumberkan bahan-bahan bertulis:
potongan cerita, Teks syarahan

6

KEGIATAN 3

Berdasarkan kegiatan lisan seperti
Main Peranan Sumbangsaan
Berlakon Bersyarah

PENGAJARAN PERIBAHASA

7

KEGIATAN 7

Menebak peribahasa berdasarkan :

- **Lakaran / lukisan** **gerakan (charade)**
- **persembahan Slaid** **lakonan singkat**
- **watak dalam cerita**

8

KEGIATAN 8





Berdasarkan Permainan bahasa (kerja bertulis yang mencabar dan menyeronokkan):

- **silangkata peribahasa** **tokok tambah**
- **huruf awal** **huruf songsang**
- **imej / grafik**

PENGAJARAN PERIBAHASA



BAHAN RUJUKAN



PENGAJARAN PERIBAHASA

TAMAT